



PAC

Public Accounts Committee

PERANAN PAC DALAM MENINGKATKAN TADBIR URUS AWAM

TADBIR URUS AWAM

Definisi:

Merangkumi aspek-aspek seperti tatacara Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif dan para pegawai di semua peringkat pengurusan melaksanakan tanggungjawab secara telus dan berhemah dari segi pengambilan dan penyampaian hasil, struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara mereka berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan (stakeholder) dan proses di mana agensi awam diurus/diarah, dikawal dan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan objektif yang telah dipersetujui.

TADBIR URUS AWAM

Ciri-ciri Tadbir Urus Awam Yang Baik:

- Prestasi – iaitu di mana pengurusan penyampaian adalah amat penting dalam penyampaian perkhidmatan yang efektif dan efisien, seperti yang diharapkan oleh pihak-pihak yang berkepentingan (stakeholder) di samping memastikan perkhidmatan tersebut “value for money” serta pengurangan terhadap pembaziran sumber dan dana.

TADBIR URUS AWAM

Ciri-ciri Tadbir Urus Awam Yang Baik (samb):

- Pematuhan Terhadap Undang-undang – iaitu setiap organisasi/agensi perlu mematuhi segala peraturan, undang-undang, piawaian yang digunapakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta ketelusan dalam perkongsian maklumat.

TADBIR URUS AWAM

Meningkatkan Tadbir Urus Awam:

- Walaupun Kerajaan telah melaksanakan konsep “Let the managers manage” dalam menggerakkan jentera Kerajaan, satu mekanisme masih perlu ada untuk memastikan tadbir urus awam sentiasa ditingkatkan. Oleh itu, selain daripada Ketua Audit Negara melalui Jabatan Audit Negara berperanan menyemak dan mengaudit perakaunan awam serta prestasi projek dan program Kerajaan, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) turut menyumbangkan peranan yang besar dalam meningkatkan tadbir urus awam.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN MALAYSIA KE 13



**Yang Berhormat Dato' Sri
Hasan bin Arifin
PENGURUSI
Ahli Parlimen Rompin**



**Yang Berhormat Dr.
Tan Seng Giaw**
NAIB PENERUSI
Ahli Parlimen Kepong

AHLI-AHLI



**Yang Berhormat Dato'
Abd Aziz Sheikh Fadzir**
Ahli Parlimen Kulim
Bandar Baru



**Yang Berhormat Datuk
Liang Teck Meng**
Ahli Parlimen Simpang
Renggam



**Yang Berhormat Tuan
Haji Hasbi Haji Habibollah**
Ahli Parlimen Limbang



**Yang Berhormat Datuk
Wee Jeck Seng**
Ahli Parlimen Tanjong Piai



**Yang Berhormat Datuk Seri
Ahmad Hamzah**
Ahli Parlimen Jasin



**Yang Berhormat Datuk Dr
Makin @ Marcus Mojigoh**
Ahli Parlimen Putatan



**Yang Berhormat Dato'
Ir Nawawi Ahmad**
Ahli Parlimen Langkawi



**Yang Berhormat Datuk
Koh Nai Kwong**
Ahli Parlimen Alor Gajah



**Yang Berhormat Dato'
Kamarul Baharin Abbas**
Ahli Parlimen Telok Kemang



**Yang Berhormat Tuan
William Leong Jee Ken**
Ahli Parlimen Selayang



**Yang Berhormat Tuan Tony Pua
Kiam Wee**
Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara



**Yang Berhormat Dato'
Takiyuddin bin Hassan**
Ahli Parlimen Kota Bharu

PENUBUHAN PAC

- Termaktub di bawah Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat Parlimen Malaysia (*Standing Order*) 77 (1).
- Merupakan salah satu daripada 5 Jawatankuasa Pilihan yang perlu ditubuhkan oleh Dewan Rakyat selain Jawatankuasa Pemilih, Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, Jawatankuasa Dewan dan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

PELANTIKAN AHLI PAC

Peraturan Mesyuarat 77 (2) menyatakan :

- i. Jawatankuasa hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan Naib Pengerusi yang akan dilantik oleh Majlis.
- ii. Pelantikan ahli Jawatankuasa hendaklah tidak kurang daripada 6 atau tidak lebih daripada 12 orang ahli yang akan dilantik oleh Jawatankuasa Pemilih

TUGAS & TANGGUNGJAWAB PAC

Standing Order 77 (1) juga menyatakan tugas dan tanggungjawab PAC iaitu memeriksa perkara-perkara berikut:-

- a) Kira-kira Kerajaan Malaysia dan Peruntukan wang yang dibenarkan oleh Parlimen kerana menepati perbelanjaan negeri;
- b) Apa-apa kira-kira badan-badan pentadbiran raya dan pertubuhan-pertubuhan lain yang menguruskan wang negeri yang dibentangkan dalam Majlis;

TUGAS & TANGGUNGJAWAB PAC (samb)

- c) Penyata-penyata Pemeriksa Kira-kira Negara yang dibentangkan dalam Majlis Mesyuarat menurut Perkara 107 dalam Perlembagaan; dan
- d) Apa-apa perkara lain yang difikirkan oleh Jawatankuasa itu patut diperiksa, atau apa-apa perkara yang diserahkan oleh Majlis kepada Jawatankuasa itu.

KUASA-KUASA PAC

- Memanggil saksi untuk memberi keterangan semasa prosiding.
- Meminta sebarang dokumen dan maklumat daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi dalam menjalankan prosiding.
- Memberi pendapat dalam pelaksanaan mana-mana program atau aktiviti di Kementerian/ Jabatan/Agensi kerajaan bagi tujuan menjaga kepentingan awam.
- Memantau sejauh mana tindakan-tindakan pembetulan telah diambil oleh Kementerian/Jabatan/ Agensi berkaitan dengan meminta mengemukakan laporan kemajuan atau *progress report* terhadap tindakan-tindakan yang telah dijanjikan.

KUASA-KUASA PAC (samb)

- Sekiranya saksi yang dipanggil tidak menghadirkan diri semasa prosiding dijalankan ianya dianggap sebagai tidak menghormati Dewan Rakyat maka Pengerusi PAC boleh memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat untuk diambil tindakan.
- Tindakan tidak menghadirkan diri untuk prosiding tanpa sebarang sebab kukuh, dianggap sebagai tindakan menghina Dewan Yang Mulia. Sidang Dewan Rakyat boleh membuat ketetapan untuk membuat laporan polis.

PAC DAN JABATAN AUDIT NEGARA

- i. Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Yang di-Pertuan Agong dan membentangkannya di Dewan Rakyat.
- ii. Pada hari yang sama Laporan Ketua Audit Negara dibentangkan di Dewan Rakyat, Ketua Audit Negara memberi taklimat kepada PAC

PAC DAN JABATAN AUDIT NEGARA (samb)

- iii. Mendapatkan maklumat terkini mengenai isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara
- iv. Mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian tentang isu yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara


TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL / KSU

- i. Pegawai Pengawal / KSU bertanggungjawab menjaga Wang Awam.
- ii. Arahan Perbendaharaan 12 menyatakan Pegawai Pengawal boleh dipanggil ke hadapan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara dan bertanggungjawab untuk hadir sendiri bagi membantu PAC dalam penyasatannya / prosidingnya.
- iii. Pegawai Pengawal berpeluang untuk memberi penerangan terhadap langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil bagi menyelesaikan isu berkenaan di hadapan Ahli PAC yang merupakan ahli politik.

PROSES KERJA PAC

- Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Di Dewan Rakyat
- Taklimat Laporan Ketua Audit Negara oleh Jabatan Audit Negara kepada PAC
- Pemilihan tajuk daripada Laporan Ketua Audit Negara oleh PAC
- Mengadakan Prosiding dengan menjemput Kementerian/Jabatan/Agensi yang berkaitan
- Mengadakan *Housekeeping* bagi membincangkan draf laporan PAC
- Pembentangan Laporan PAC di Dewan Rakyat
- Memuatnaik Laporan PAC ke Portal & menghantar ke Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab menyelaraskan kepada semua Kementerian terbabit

PROSES KERJA PAC



IMPAK RUMUSAN & SYOR PAC

- Membantu agensi pusat untuk menggubal dasar baru bagi meningkatkan tadbir urus awam.
- Membantu Kementerian serta agensi pusat untuk mengambil tindakan terhadap pegawai yang terlibat dengan kecuiaan atau penyelewengan.

LAPORAN PAC YANG DIBENTANG DI DEWAN RAKYAT SEPANJANG TAHUN 2016

RUJUKAN	TAJUK LAPORAN	TARIKH BENTANG DI DEWAN RAKYAT
DR3/2016	Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Berhad (1MDB)	07 April 2016
DR4/2016	Isu Penyelewengan Dan Penyeludupan Diesel Bersubsidi	08 Nov 2016
DR5/2016	Pengurusan Lesen Iklan/Papan Tanda Di Kuala Lumpur	02 Nov 2016
DR6/2016	Pengurusan Projek Pembangunan Kandungan Penyiaran Digital	03 Nov 2016
DR7/2016	Program Subsidi Benih Padi Sah	10 Nov 2016
DR8/2016	Projek Pengalihan Operasi Kereta Api Tanah Melayu Berhad Dari Tanjung Pagar Ke Woodlands (Stesen), Singapura Dan Kempas Baru (Depoh) Johor Bahru.	14 Nov 2016
DR9/2016	Pembinaan Dan Pengurusan Wisma Perwira Angkatan Tentera Malaysia, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur	15 Nov 2016
DR10/2016	Pengurusan Perolehan Perabot Bagi Cadangan Pembinaan Semula Kem Batalion 5, Pasukan Gerakan Am, Simpang Renggam, Johor	16 Nov 2016
DR11/2016	Pengurusan Pengendalian Acara	07 Nov 2016
DR12/2016	Pengurusan Program 1Azam	17 Nov 2016
DR13/2016	Perkhidmatan 1BestariNet	01 Nov 2016



PAC

Public Accounts Committee

TAMAT